

09 JUL 2003

Multaqa-Mahathir

DR MAHATHIR MINTA UMAT ISLAM CARI JAWAPAN MASALAH MEREKA

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam perlu mencari jawapan terhadap pelbagai masalah yang dihadapi mereka sekarang, yang apa sahaja boleh dilakukan terhadap umat dan negara Islam dengan sewenang-wenangnya.

"Umat Islam di mana-mana sahaja tentu sedar akan ancaman yang dihadapi oleh mereka pada waktu ini," kata Perdana Menteri dalam kata-kata aluan buku cenderamata Multaqa Ulama Sedunia, yang bermula di sini esok.

Beliau berkata mereka juga tentu sedar tentang kelemahan umat dan negara Islam sehingga tidak mungkin mereka dapat mempertahankan diri sama ada secara diplomasi atau secara ketenteraan.

Dr Mahathir menyoal mengapa keadaan itu berlaku sedangkan empayar Islam begitu kuat dan dianggap kuasa dunia yang amat dihormati pada waktu dahulu.

"Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. hanyalah satu. Hari ini, terdapat beratus-ratus agama yang didakwa adalah agama Islam oleh pengikut-pengikutnya," kata beliau.

Beliau berkata seringkali ajaran-ajaran itu bukan sahaja bertentangan antara satu sama lain tetapi masing-masing akan menuduh pengikut tafsiran yang berbeza daripada mereka sebagai tidak Islam.

Sambil mengalu-alukan kedatangan peserta dalam dan luar negara ke multaqa itu, Perdana Menteri berharap ia sedikit sebanyak dapat mengurangkan kekeliruan dan kelemahan umat Islam.

"Oleh kerana ini pertemuan para ulama dan ilmuan Islam, adalah penting bagi menangani pelbagai masalah yang muncul mungkin kerana tafsiran ajaran Islam yang salah atau kerana sebab-sebab lain seperti persekitaran zaman moden atau pengaruh-pengaruh ideologi-ideologi lain," kata beliau.

Seramai 840 peserta termasuk 90 dari luar negara dijangka menghadiri persidangan tiga hari anjuran Jabatan Perdana Menteri itu, yang akan membincangkan mengenai cabaran Islam dalam era globalisasi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam kata-kata aluannya pula berkata pertemuan itu amat penting dari segi apa yang sedang berlaku kepada umat dan negara Islam masakini.

"Dalam hubungan ini, ulama pewaris Nabi mempunyai peranan yang penting untuk melakukan islah ke arah memurnikan pemikiran umat Islam dan memberi kefahaman mengenai Islam kepada yang bukan Islam sebagai agama yang menolak fahaman melampau atau ekstrem," katanya.

Abdullah berkata golongan ulama perlu bekerjasama memberi pandangan yang positif bagi mengatasi sebarang masalah dengan mengambil kira perkembangan serta keperluan semasa.

Beliau berharap pertemuan itu menjadi titik permulaan bagi menggabungkan pemikiran dan tenaga antara pemimpin agama, politik dan pentadbiran untuk bergerak seiring demi kecemerlangan umat Islam.

-- BERNAMA

AZZ AZZ NAK